

KENYATAAN MEDIA

HOTEL THE PUTERI PACIFIC JOHOR BAHRU

Johor Bahru, Johor, 17 July 2010 - Hotel The Puteri Pacific Johor Bahru merupakan hotel terkemuka yang terletak di lokasi yang sangat ideal dan strategik iaitu di tengah-tengah Bandaraya Johor Bahru dan ianya terletak hanya 25 minit dari Lapangan Terbang Changi di Singapura dan Lapangan Terbang Sultan Ismail Senai di Johor.

Di The Puteri Pacific Johor Bahru, kepakaran antarabangsa dan kehalusan warisan tradisi Malaysia diadunkan untuk memberi keselesaan dan kemewahan hotel kepada para tetamu. The Puteri Pacific Johor Bahru memiliki 464 bilik tetamu, bilik suit dan pangsapuri. Setiap bilik dilengkapi dengan keperluan yang dapat memberikan keselesaan, kemudahan dan suasana nyaman kepada tetamu disamping kemudahan lain seperti pusat kecergasan, kolam renang, gelanggang tenis dan squash. Antara lain keistimewaan di The Puteri Pacific Johor Bahru adalah di "Executive Floor" di mana ahli perniagaan dan korporat dapat mengadakan urusan perniagaan dengan lebih selesa.

Disamping keistimewaan penginapan yang ditawarkan, The Puteri Pacific Johor Bahru juga mempunyai 5 buah bilik mesyuarat yang boleh memuatkan dari 10 hingga 120 orang manakala dewan "ballroom" dari 400 hingga 800 orang dalam suatu masa.

Sebagai pengiktirafan untuk Penginapan Terbaik, The Puteri Pacific Johor Bahru telah menerima Anugerah Berlian di Majlis Anugerah Pelancongan Johor 2009 anjuran Jabatan Pelancongan Negeri Johor pada 13 Mei 2010.

Bagi tujuan menjamu selera, terdapat restoran Kai Xuan yang menyajikan masakan Cina dan Szechuan yang halal dan Restoran Paolo yang menyajikan hidangan Mediterranean dan barat. Sementara itu, di Newsroom Cafe pula, tetamu mempunyai pelbagai pilihan seleksi makanan antarabangsa dan tempatan, manakala di Restoran Hadramawt menyajikan pelbagai makanan berasaskan masakan asli Timur Tengah

Sementara itu, disamping memberi tumpuan khusus kepada aktiviti perniagaan, kami juga menghargai komuniti di mana kami beroperasi. Kami juga amat berbesar hati kerana dapat memberikan sumbangan kepada masyarakat dan komuniti yang memerlukan. Ini secara tidak langsung dapat merapatkan hubungan antara kami dan komuniti.

The Puteri Pacific Johor Bahru merupakan salah satu hotel bawah Bahagian Hospitaliti Johor Corporation. Disamping itu, terdapat sebuah pusat konvensyen iaitu Pusat Konvensyen Antarabangsa PERSADA Johor, 2 buah resort dan 2 buah hotel di bawah Bahagian Hospitaliti iaitu Sibu Island Resort Johor, Selesa Beach Resort Port Dickson, Hotel Selesa Johor Bahru dan Hotel Selesa Pasir Gudang.

Terletak bersebelahan dengan The Puteri Pacific Johor Bahru adalah Persada Johor yang dihubungkan oleh sebuah jambatan pejalan kaki yang terletak di Aras 2 hotel. Persada Johor merupakan pusat konvensyen terunggul dan terancang di selatan tanahair dengan menawarkan ruang-ruang pameran, dewan konvensyen, seminar, mesyuarat, majlis perkahwinan, majlis-majlis istimewa dan restoran untuk kemudahan semua pengunjung.

KETERANGAN LANJUT

Syarikat : The Puteri Pacific Johor Bahru
Alamat : Jalan Abdullah Ibrahim
80730 Johor Bahru, Johor
Telephone : +60 7 219 9999
Website : www.puteripacific.com

*** Sila hubungi En Seth Bin Jamaluddin, Pengurus Besar Operasi Bahagian Hospitaliti Johor Corporation di 019 – 754 2692 bagi maklumat lanjut ***